

DOI: [10.51377/azjaf.vol2no2.65](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no2.65)

MOTIVATION OF PAYMENT OF INCOME ZAKAT: A QUALITATIVE ANALYSIS

MOTIVASI PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN: SATU ANALISIS KUALITATIF

SYADIYAH ABDUL SHUKOR

Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mail: syadiyahas@usim.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 30TH MAY 2021; REVISED – 14TH AUG. 2021; ACCEPTED – 1TH SEPT. 2021)

ABSTRACT

Zakat on income is one of the types of zakat that must be paid by Muslims that possess the requirements of nisab and haul. National and several state fatwas in Malaysia have made it compulsory to pay zakat on income to those who are eligible to do so. Nevertheless, the collection of zakat on income shows that there are still many who have not fulfilled their obligation to pay zakat on income. To increase the collection of zakat on income, this study is conducted to identify factors that drive the payment of zakat on income. For the purpose of this study, interviews involving six (6) zakat on income contributors in the Federal Territory of Kuala Lumpur are conducted to find out the reasons that motivate them to pay zakat on income. The results of the study found five (5) main themes that motivate a Muslim to pay zakat on income that includes performing duties as a Muslim, the blessing of sustenance, influence from the surrounding, a sense of responsibility in helping the needy and the ease of payment of zakat on income. Thus, several recommendations have been proposed to increase the collection of zakat on income and number of zakat payers.

Keywords: zakat on income; motivation; qualitative.

ABSTRAK

Zakat pendapatan merupakan salah satu jenis zakat yang wajib dikeluarkan oleh umat Islam yang telah mencukupi syarat haul dan nisab. Fatwa kebangsaan dan beberapa negeri di Malaysia telah mewajibkan pengeluaran zakat pendapatan kepada mereka yang layak. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan zakat pendapatan menunjukkan masih ramai yang belum menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan. Bagi meningkatkan kutipan zakat pendapatan, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pembayaran zakat pendapatan. Untuk tujuan kajian ini, temu bual melibatkan enam (6) orang penyumbang zakat pendapatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan untuk mengetahui sebab-sebab yang mendorong mereka untuk membayar zakat pendapatan. Hasil kajian mendapati lima (5) tema utama yang mendorong seseorang individu membayar zakat pendapatan termasuk menjalankan kewajipan sebagai umat Islam, keberkatan rezeki, galakan dan dorongan dari persekitaran, rasa tanggungjawab dalam membantu golongan yang memerlukan dan kemudahan pembayaran zakat pendapatan. Justeru, beberapa saranan telah dicadangkan untuk meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat pendapatan.

Kata Kunci: zakat pendapatan; motivasi; kualitatif.

PENGENALAN

Zakat pendapatan timbul daripada konsep zakat *al-mal al mustafad* (zakat harta perolehan). Konsep *al-mal al mustafad* bermaksud segala jenis pendapatan seperti gaji, upah, imbuhan, elaun, hadiah atau lain-lain pendapatan yang diperolehi hasil daripada pekerjaan yang dilakukan secara tetap atau berkala. Hasil yang diperoleh ini (*al-mal al mustafad*) adalah harta yang wajib dizakatkan (Lembaga Zakat Selangor, 2012). Pada tahun 1997, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat manakala Fatwa Wilayah Persekutuan bertarikh 9 April 1999 tentang zakat penggajian menyatakan bahawa wajib dikeluarkan ke atas pendapatan

daripada pengajian Islam termasuklah apa-apa upah, gaji, elauan, imbuhan dan bonus. Oleh itu adalah wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada pengajian tersebut (Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [PPZ-MAIWP], 2020).

Di Wilayah Persekutuan, prestasi kutipan zakat pendapatan adalah amat menggalakkan. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh PPZ-MAIWP untuk meningkatkan kutipan zakat. Antara tindakan yang telah diambil adalah kempen melalui media massa seperti surat khabar dan majalah, pembukaan kaunter cawangan, dan penerbitan buku laporan tahunan (Nor Paizin, 2014). Selain itu, PPZ-MAIWP telah menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan pembayaran zakat seperti pembayaran melalui potongan gaji di tempat kerja, pembayaran di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP, portal PPZ-MAIWP, skim potongan zakat bulanan (PZB), kaunter zakat bergerak, perbankan Internet, e-wallet dan portal dalam talian, kaunter bank, kaunter pejabat pos, dan ejen-ejen PPZ-MAIWP (PPZ-MAIWP, 2020). Usaha yang telah dan sedang diambil oleh PPZ-MAIWP dalam meningkatkan kutipan zakat pendapatan jelas membawa hasil. Ini dapat dilihat dari Laporan Zakat PPZ-MAIWP dari tahun 2010 sehingga 2020 yang menunjukkan jumlah kutipan dan pembayar zakat pendapatan telah mencatatkan peningkatan setiap tahun seperti di Jadual 1. Setakat tahun 2020, jumlah kutipan zakat pendapatan adalah RM 511,309,117.22 dan jumlah pembayar adalah seramai 184,170 orang.

Jadual 1: Jumlah Kutipan dan Pembayar Zakat Pendapatan

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)	Jumlah Pembayar
2010	192,723,071.57	74,671
2011	231,636,631.89	84,652
2012	264,814,612.05	97,235
2013	318,789,658.83	108,929
2014	369,796,559.60	121,606
2015	385,157,868.82	130,089
2016	392,446,919.06	135,275
2017	408,848,038.25	143,388

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)	Jumlah Pembayar
2018	445,442,587.94	151,477
2019	471,942,901.16	168,720
2020	511,309,117.22	184,170

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP Tahun 2010 sehingga 2020

Fatwa mewajibkan umat Islam untuk mengeluarkan zakat pendapatan telah dikeluarkan lebih dari 20 tahun. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan dan jumlah pembayar zakat pendapatan adalah masih rendah jika dibandingkan dengan kutipan dan jumlah pembayar cukai pendapatan (Yusoff, 2021). Kajian lepas menunjukkan pengetahuan individu tentang zakat (Jaafar et al., 2011; Muhamad Sukri et al., 2016) dan tahap keagamaan individu (Pangestu & Jayanto, 2017; Noor Azman & Bidin, 2015) adalah antara faktor yang boleh mendorong kepatuhan pembayaran zakat. Oleh yang demikian, pengetahuan dan tahap keagamaan individu yang masih berkurang mungkin boleh menyumbang kepada jumlah kutipan dan jumlah pembayar zakat pendapatan yang masih rendah jika dibandingkan dengan kutipan dan jumlah pembayar cukai pendapatan.

Berbalik kepada isu utama, pengeluaran zakat bukan sahaja menyucikan harta, zakat juga berperanan untuk membangunkan ekonomi umat Islam dengan merapatkan jurang antara golongan kaya serta miskin dengan matlamat mengeluarkan golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan. Di dalam Surah At-Tawbah, ayat 103, Allah berfirman yang bermaksud: “*Ambillah sebahagian dari harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*” Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sebab-sebab yang mendorong individu membayar zakat pendapatan memandangkan kepentingan zakat terhadap ekonomi secara keseluruhan.

KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN KEPATUHAN PEMBAYARAN ZAKAT

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dijalankan untuk mengenal pasti sebab pembayaran zakat. Kajian-kajian ini tidak hanya mengkaji kepatuhan pembayaran zakat pendapatan tetapi juga jenis-jenis zakat yang lain seperti zakat fitrah, emas, perniagaan, dan simpanan. Secara keseluruhan, kepatuhan pembayaran zakat ini dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk demografi, psikologi, dan faktor persekitaran. Bagi faktor-faktor demografi, kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam et al. (2005) mendapati bahawa umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, dan tahap pendapatan selain pembayaran melalui potongan gaji sangat mempengaruhi pembayaran zakat. Kajian lain oleh Abdullah & Sapiei (2018), Sapipi et al. (2011), Sobana et al. (2016) pula menunjukkan peranan jantina, pendapatan, dan tahap pendidikan sebagai faktor yang mendorong pembayaran zakat. Sapipi et al. (2011) pula mendapati bahawa semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi tahap kepatuhan pembayaran zakat dalam kalangan umat Islam manakala kajian oleh Sobana et al. (2016) menunjukkan tahap pendidikan secara positif berkaitan dengan kepatuhan pembayaran zakat.

Selain dari faktor demografi, kepatuhan pembayaran zakat juga didorong oleh faktor psikologi. Sebagai contoh, pengetahuan individu mengenai zakat secara positif berkaitan dengan kepatuhan pembayaran zakat. Semakin tinggi pengetahuan seseorang individu mengenai zakat, semakin besar kebarangkalian mereka untuk mengeluarkan zakat (Jaafar et al., 2011; Muhamad Sukri et al., 2016). Di samping itu, sikap individu terhadap zakat juga akan menentukan kepatuhan pembayaran zakat. Berdasarkan *Theory of Reasoned Action* dan *Theory of Planned Behaviour*, kajian yang dijalankan oleh Andam & Osman (2019), Noor Azman & Bidin (2015), Bidin et al . (2009), dan Sapipi et al. (2011) mendapati bahawa sikap positif individu terhadap zakat mempengaruhi niat individu dalam membayar zakat. Selain itu, faktor psikologi lain seperti tahap keagamaan individu turut memainkan peranan positif dalam membayar zakat (Pangestu & Jayanto, 2017; Noor Azman & Bidin, 2015). Kajian oleh Mohd Ali et al. (2003) mendapati peratusan individu profesional yang membayar zakat pendapatan adalah kecil dan tahap keagamaan serta

pengetahuan tentang zakat didapati berperanan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan. Begitu juga kajian terkini oleh Nurkholis & Jayanto (2020) yang mendapati aspek keagamaan, kefahaman tentang zakat, pendapatan individu, persekitaran dan pengurusan agensi zakat merupakan faktor motivasi untuk membayar zakat dalam kalangan pembayar zakat.

Kajian lepas juga mendapati faktor persekitaran turut mempengaruhi kepatuhan individu untuk membayar zakat. Noor Azman & Bidin (2015) mendapati bahawa kumpulan rujukan seperti keluarga dan rakan-rakan boleh mempengaruhi tingkah laku individu dalam kepatuhan pembayaran zakat simpanan. Selain pengaruh dari kumpulan rujukan, kajian oleh Abdullah & Sapiei (2018) mendapati bahawa penguatkuasaan undang-undang juga sangat penting dalam memastikan kepatuhan pembayaran zakat. Selain itu, penyelidik-penyelidik lain mengkaji faktor institusi zakat terhadap kepatuhan individu untuk membayar zakat. Sebagai contoh, Noor Azman & Bidin (2015) mendapati bahawa kredibiliti institusi zakat secara signifikan mempengaruhi kepatuhan untuk membayar zakat. Pangestu & Jayanto (2017) pula mendapati ketelusan yang diamalkan oleh institusi zakat mempengaruhi niat seseorang untuk membayar zakat manakala Othman & Nayan's (2019) mendapati promosi yang dijalankan oleh institusi zakat mempengaruhi niat dan tingkah laku individu terhadap kepatuhan membayar zakat. Dalam aspek lain yang berkaitan dengan institusi zakat, kajian oleh Ahmad & Wahid (2003) mendapati kepatuhan membayar zakat juga dipengaruhi oleh rasa kepuasan hati oleh pembayar zakat terhadap kecekapan pengurusan pusat zakat khususnya apabila institusi zakat dapat mengagihkan dana zakat dengan baik dan kualiti servis yang diberikan oleh institusi zakat (Ab Rahman et al., 2019).

Berdasarkan kajian-kajian lepas, adalah didapati kajian berkaitan kepatuhan pembayaran zakat telah dijalankan secara kuantitatif. Di dalam kajian ini, maklumat berkaitan faktor-faktor yang mendorong individu membayar zakat pendapatan akan dikutip melalui metode kualitatif. Dengan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong individu mengeluarkan zakat pendapatan akan dapat membantu institusi zakat dalam usaha untuk meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat pendapatan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif kerana pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan dari pengalaman peserta sendiri dapat diperoleh (Bearman, 2019). Skop kajian ini adalah terhad bagi pembayar zakat pendapatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Pengumpulan data telah dilakukan pada bulan Mac 2021. Teknik temu bual telah digunakan kerana peserta boleh berkongsi tentang pengalaman sendiri (Denzin & Lincoln 1994) serta memberi maklumat yang lebih bermakna yang tidak diperoleh melalui kaedah penyelidikan kuantitatif. Enam (6) orang individu (lelaki dan perempuan) yang telah dipilih secara rawak dari senarai pembayar zakat pendapatan yang diperoleh dari PPZ-MAIWP telah ditemu bual dan perincian mengenai peserta adalah seperti di dalam Jadual 2. Individu yang telah dipilih untuk ditemu bual adalah dalam kalangan mereka yang bekerja di Wilayah Persekutuan dan membayar zakat pendapatan. Struktur temu bual yang dijalankan adalah temu bual separa berstruktur dan topik utama yang dibincangkan adalah faktor yang mendorong peserta membayar zakat pendapatan di samping topik-topik lain berkaitan zakat pendapatan. Setiap individu yang ditemu bual diminta untuk memberi maklum balas berdasarkan pandangan dan pengalaman mereka sendiri. Semua sesi temu bual telah dirakam secara audio dengan keizinan peserta. Tempoh sesi temu bual adalah antara 25 hingga 50 minit. Temu bual ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah seperti pengkategorian, klasifikasi dan pengekodan (Trochim, 2006).

Jadual 2: Latar Belakang Peserta Temu bual

Peserta	Umur	Jantina	Status	Pekerjaan
1	45	Perempuan	Berkahwin	Pegawai undang-undang
2	44	Perempuan	Berkahwin	Guru
3	40	Lelaki	Berkahwin	Perancang Kewangan
4	44	Lelaki	Bujang	Sukarelawan
5	47	Perempuan	Berkahwin	Jurutera
6	45	Lelaki	Berkahwin	Pegawai Tadbir

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Faktor Yang Mendorong Pembayaran Zakat Pendapatan

Kesemua peserta yang ditemu bual telah ditanya tentang faktor-faktor yang mendorong mereka membayar zakat pendapatan. Peserta temu bual telah berkongsi pelbagai faktor dan faktor-faktor telah dikelompokkan kepada lima (5) tema iaitu kerana tuntutan agama, keberkatan rezeki, galakan dan dorongan dari elemen persekitaran, rasa tanggungjawab untuk membantu golongan memerlukan dan kemudahan untuk membayar zakat pendapatan.

Tuntutan Agama

Dapatkan kajian ini mendapati faktor tuntutan agama merupakan faktor utama kepatuhan pembayaran zakat pendapatan oleh peserta temu bual. Kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan merupakan salah satu daripada lima (5) rukun Islam. Di dalam Al-Quran, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud, *“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”* (Al-Baqarah (2), ayat 267). Allah SWT telah mewajibkan umat Islam mengeluarkan zakat pendapatan yang bertujuan untuk membersihkan diri dan menyuburkan harta pembayar zakat berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud, *“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”* (Surah At-Tawbah, ayat 103). Berikut adalah beberapa petikan temu bual peserta:

Petikan 1:

Peserta perempuan, 45 tahun: “Islam telah mewajibkan umatnya untuk berzakat. Oleh yang demikian, saya mengeluarkan zakat untuk memenuhi tuntutan agama.”

Petikan 2:

Peserta lelaki, 45 tahun: “Saya tahu akan kewajipan mengeluarkan zakat dan saya takut akan dipersoalkan di kemudian hari sekiranya tidak membayar zakat.”

Keberkatan Rezeki

Selain tuntutan agama, faktor lain yang mendorong pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan peserta temu bual adalah untuk mendapat keberkatan rezeki. Dalam kalangan peserta temu bual, rezeki yang berkat adalah rezeki yang diperolehi daripada sumber-sumber yang halal dan digunakan pula rezeki tersebut untuk kebaikan dan di jalan Allah SWT. Keberkatan rezeki ini tidak hanya dinilai dari segi duit dan harta benda tetapi termasuk diberi kesihatan yang baik dan dipermudahkan urusan. Allah SWT berfirman yang bermaksud, ‘*Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah, seperti sebutir benih yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji, dan Allah melipat gandakan bagi siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui.*’ (Surah Al-Baqarah, ayat 261). Begitu juga Allah SWT telah berfirman yang bermaksud, ‘*Barangiapa yang bertakwa kepada Allah, maka Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dari kesusahan dan diberikanNya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka, dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah mencukupkan keperluannya.*’ (Surah At-Talaq, ayat 2-3). Berikut adalah beberapa petikan temu bual peserta berkaitan keberkatan rezeki:

Petikan 3:

Peserta lelaki, 40 tahun: “Insya Allah kita tidak akan miskin kalau kita berzakat. Kita akan dapat balik dan tak semestinya daripada duit atau harta tapi mungkin kesihatan.”

Petikan 4:

Peserta perempuan, 45 tahun: “Saya selalu dengar ustaz-ustaz di dalam ceramah menyatakan bahawa pendapatan perlu dizakatkan untuk keberkatan rezeki. Saya percaya sebab dengan pendapatan inilah saya akan beri anak-anak makan.”

Petikan 5:

Peserta perempuan, 47 tahun: "Saya rasa seronok apabila dapat memberi lebih kerana rezeki tidak pernah putus. Rezeki seperti urusan dipermudahkan atau dipertemukan dengan orang yang baik-baik."

Petikan-petikan temu bual peserta adalah konsisten seperti yang pernah dinyatakan oleh mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri iaitu pemberian zakat akan menjadikan harta seseorang diberkati, subur dan baik selain menjadikan hati tenang dan sentiasa senang. Selain itu, adakala keberkatan zakat hanya dapat difahami selepas fasa pemberian zakat (Amlly, 2017). Dalam Al-Quran, Allah SWT mengingatkan bahawa setiap apa yang kita sumbangkan dalam membantu manusia, Allah akan menggantikannya. Firman Allah SWT yang bermaksud, ‘*Dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.*’ (Surah Saba, ayat 39)

Galakan dan Dorongan Dari Persekutaran

Galakan dan dorongan dari persekitaran juga menjadi faktor pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan peserta temu bual. Seperti di dalam kajian lepas yang dijalankan oleh Noor Azman & Bidin (2015), faktor persekitaran termasuk keluarga dan rakan-rakan dapat mempengaruhi sikap seseorang individu terhadap pembayaran zakat. Berikut adalah petikan peserta temu bual berkaitan faktor persekitaran yang mendorong peserta temu bual membayar zakat pendapatan.

Petikan 6:

Peserta lelaki, 44 tahun: "Abah akan pastikan kami semua membayar zakat dan kami akan membayar zakat bersama-sama setiap tahun. Abah akan memberi 'tazkirah' kepada kami tentang kewajipan membayar zakat pendapatan."

Petikan 7:

Peserta perempuan, 45 tahun: "Saya bekerja di syarikat yang rata-rata terdiri dari bukan Islam, walau bagaimanapun ramai rakan-

rakan di luar tempat kerja yang mengingatkan saya untuk membayar zakat terutama menjelang hujung tahun. Disebabkan rakan-rakan jugalah yang memberi motivasi saya untuk membayar zakat pendapatan.”

Petikan 8:

Peserta perempuan, 47 tahun: “Rakan saya yang telah menyedarkan saya tentang kewajipan membayar zakat pendapatan. Sejak itu saya tidak pernah lupa untuk membayar zakat pendapatan.”

Rasa Tanggungjawab

Kesedaran akan tanggungjawab membayar zakat merupakan salah satu sebab yang mendorong peserta temu bual membayar zakat. Dari Abu Musa R.A., katanya Nabi saw. bersabda: "Mestinya tiap-tiap orang muslim bersedekah. Orang banyak bertanya: "Ya, Nabi Allah! Bagaimana dengan orang yang tak punya (untuk disedekahkan)?" Jawab Nabi SAW "Ia harus bekerja dengan tangannya, sehingga ia memperoleh keuntungan untuk dirinya dan dapat bersedekah." Tanya mereka. "Kalau tidak sanggup?" Sabda Nabi SAW, "Hendaklah ia menolong orang yang memerlukannya." Tanya: "Kalau sekiranya tidak boleh?" Jawab Nabi SAW, "Kerjakanlah segala kebaikan dan hentikan segala macam kejahatan. Yang demikian itu bererti sedekah juga baginya." (Hadis Sahih Bukhari Jilid 2. No. 0742). Beberapa petikan temu bual berkaitan rasa tanggungjawab pembayar zakat untuk membantu golongan yang memerlukan adalah seperti berikut:

Petikan 9:

Peserta lelaki, 40 tahun: “Bagi saya, walaupun sedikit yang dibulurkan, tapi itulah salah satu cara untuk memberi kerana di luar sana ramai yang masih memerlukan sumbangan dan bantuan.”

Petikan 10:

Peserta perempuan, 47 tahun: “Apabila usia semakin meningkat, saya merasakan adalah tanggungjawab saya untuk mengeluarkan zakat dan membantu mereka yang memerlukan di luar sana.”

Petikan-petikan temu bual peserta berkaitan rasa tanggungjawab dalam membantu golongan yang memerlukan bantuan adalah bertepatan dengan hikmah berzakat seperti menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan orang lain dan fungsi zakat dalam memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara (Nadzirah, 2015)

Kemudahan Cara Pembayaran Zakat Pendapatan

Peserta temu bual menyatakan bahawa pembayaran zakat pendapatan secara pemotongan gaji adalah sangat mudah dan secara tidak langsung menjadi salah satu faktor yang mendorong mereka membayar zakat pendapatan.

Petikan 11:

Peserta lelaki, 40 tahun: "Dahulu saya akan ke kaunter PPZ untuk membayar zakat tetapi sekarang saya akan membayar zakat melalui perbankan internet sejak ada kemudahan pembayaran dalam talian."

Cara Pembayaran Zakat Pendapatan

Pembayar zakat di Wilayah Persekutuan mempunyai pelbagai saluran untuk membayar zakat pendapatan termasuk skim potongan zakat bulanan, di kaunter PPZ-MAIWP, portal PPZ-MAIWP, kaunter zakat bergerak, perbankan internet, e-wallet dan portal dalam talian, kaunter bank dan pejabat pos dan agen PPZ-MAIWP (PPZ-MAIWP, 2020). Kesemua peserta telah disoal tentang cara pembayaran zakat pendapatan. Hasil temu bual menunjukkan peserta menggunakan tiga (3) cara utama pembayaran zakat pendapatan iaitu melalui skim potongan zakat bulanan, pembayaran dalam talian melalui perbankan internet, dan pembayaran zakat di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP. Peserta temu bual menyatakan bahawa pembayaran zakat pendapatan menerusi skim potongan zakat bulanan dapat mengelakkan mereka dari terlupa untuk mengeluarkan zakat pendapatan disebabkan kesibukan tugas harian.

Petikan 12:

Peserta perempuan, 47 tahun: "Saya membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji kerana ianya mudah dan saya tidak perlu memikirkan sama ada saya telah atau belum membayar zakat pendapatan pada setiap tahun."

Berdasarkan kepada temu bual yang telah dijalankan, terdapat peserta temu bual yang memilih untuk membayar zakat pendapatan melalui perbankan internet kerana mendapati cara bayaran ini juga adalah mudah dan tidak pernah menghadapi sebarang masalah ketika membuat pembayaran.

Petikan 13:

Peserta perempuan, 45 tahun: "Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk membayar zakat pendapatan melalui perbankan internet. Ianya sangat mudah dan saya akan dapat menyimpan rekod pembayaran."

Petikan 14:

Peserta lelaki, 40 tahun: "Saya selalu bayar zakat pendapatan menggunakan perbankan internet kerana bukan sahaja mudah tetapi saya boleh menyimpan rekod pembayaran untuk tujuan cukai pendapatan."

Selain pembayaran zakat melalui potongan gaji dan perbankan internet, terdapat peserta temu bual yang memilih untuk membuat pembayaran di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP kerana tempat kerja atau tempat tinggal adalah berdekatan dengan pejabat PPZ-MAIWP. Selain itu, layanan mesra yang diberikan oleh staf di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP juga mendorong peserta untuk membuat pembayaran di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP walaupun terdapat pelbagai cara pembayaran lain.

Petikan 15:

Peserta lelaki, 44 tahun: "Saya lebih suka membayar di kaunter PPZ-MAIWP walaupun tahu pembayaran boleh dibuat secara dalam talian. Kawasan perumahan saya berdekatan dengan

kaunter PPZ-MAIWP dan menjadi tradisi bagi keluarga saya untuk sama-sama membayar zakat di kaunter tersebut.”

Cadangan Untuk Menggalakkan Pembayaran Zakat Pendapatan

Peserta temu bual turut ditanya tentang cadangan untuk menggalakkan pembayaran zakat pendapatan dan seterusnya dapat meningkatkan jumlah kutipan zakat pendapatan. Terdapat dua (2) cadangan utama yang telah diberikan oleh peserta temu bual.

Program-program kesedaran

Menyedari akan kewajipan membayar zakat pendapatan, peserta temu bual mencadangkan agar lebih banyak program kesedaran yang mendidik umat Islam untuk mengeluarkan zakat. Antara cadangan yang diberikan ialah institusi-institusi zakat perlu mempertingkatkan kempen serta ceramah untuk memastikan masyarakat Islam di Malaysia sedar akan kepentingan pembayaran zakat dan mengetahui matlamat serta tujuan di sebalik pembayaran zakat. Beberapa petikan temu bual berkaitan cadangan ini adalah seperti berikut:

Petikan 16:

Peserta lelaki, 40 tahun: “Institusi zakat boleh mengadakan program-program kesedaran tentang pembayaran zakat pendapatan melalui sosial media seperti di Instagram, TikTok atau iklan-iklan yang boleh memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang zakat pendapatan.”

Selain itu, peranan untuk mengadakan program kesedaran tidak hanya diambil oleh pihak institusi zakat, malah majikan-majikan sewajarnya memberi program berkaitan dengan pembayaran zakat pendapatan. Program seperti ini dijalankan bukan hanya untuk memberi kesedaran kepada semua pekerja Islam untuk membayar zakat pendapatan tetapi juga graduan yang baru memasuki alam pekerjaan. Pendedahan awal tentang kewajipan membayar zakat pendapatan kepada mereka yang baru menjelak ke alam pekerjaan bukan hanya dapat memberi kesedaran tetapi mendidik mereka untuk

merancang kewangan mereka sejak dari awal seperti petikan temu bual berikut:

Petikan 17:

Peserta perempuan, 47 tahun: "Graduan yang akan memasuki dalam pekerjaan sewajarnya diberikan pendedahan atau bengkel tentang perancangan kewangan termasuk kewajipan membayar zakat pendapatan."

Petikan 18:

Peserta perempuan, 47 tahun: "Majikan juga perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada pekerja tentang kewajipan membayar zakat pendapatan. Saya hanya mengetahui tentang pembayaran zakat melalui potongan gaji hanya selepas rakan sekjera memaklumkan untuk mengisi borang untuk membuat potongan gaji di bahagian sumber manusia."

Lantik duta

Pelantikan duta yang berpengaruh dan memiliki imej baik juga adalah diharap dapat membantu untuk memberi kesedaran kepada umat Islam untuk membayar zakat pendapatan. Sebagai contoh, Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang telah melantik Ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil Noor sebagai Duta Zakat PKZ 2016. Selaras dengan cadangan peserta yang turut mencadangkan lantikan duta dalam kalangan individu-individu yang berpengaruh, popular sesuai dengan trend terkini seperti petikan berikut:

Petikan 19:

Peserta lelaki, 40 tahun: "Influencer atau ustaz selebriti boleh digunakan dalam kempen membayar zakat. Ustaz selebriti yang berpengaruh akan dapat berkongsi tentang topik kewajipan membayar zakat, kepentingan mengeluarkan zakat, dan topik-topik lain yang berkaitan untuk mengajak orang lain mengeluarkan zakat pendapatan."

Petikan 20:

Peserta perempuan, 44 tahun: ‘Bagi memberi pendedahan tentang pembayaran zakat, duta yang mewakili institusi zakat boleh dilantik untuk menyampaikan mesaj tentang kewajipan membayar zakat.’

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong seseorang individu membayar zakat pendapatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui enam (6) orang peserta yang dipilih secara rawak dari senarai yang disediakan oleh PPZ-MAIWP. Dapatan kajian ini mendapati faktor yang mendorong pembayar zakat melunaskan zakat pendapatan dapat dikelompokkan kepada lima tema utama iaitu tuntutan agama, keberkatan rezeki, elemen persekitaran, rasa tanggungjawab dalam membantu golongan yang memerlukan dan kemudahan pembayaran zakat pendapatan. Hasil temu bual juga menunjukkan tiga (3) cara utama yang digunakan untuk membuat pembayaran zakat pendapatan ialah melalui skim potongan zakat bulanan, pembayaran dalam talian melalui perbankan internet, dan pembayaran zakat di kaunter-kaunter PPZ-MAIWP. Di dalam kajian ini, peserta temu bual turut mencadangkan dua (2) cadangan untuk meningkatkan jumlah pembayar zakat dan sekaligus meningkatkan kutipan zakat pendapatan. Dua (2) cadangan tersebut adalah dengan mengadakan program-program kesedaran dan melantik duta yang mewakili institusi zakat dalam menggalakkan umat Islam mengeluarkan zakat pendapatan. Kajian pada masa akan datang boleh mengkaji impak panademik COVID-19 terhadap pembayar zakat dan bagaimana untuk menyantuni para pembayar zakat yang setia.

RUJUKAN

- Ab Rahman, S. M., Zakaria, M., Shaari, R., Nawi, N. A., & Mohd Zain, N. A. (2019). Perceived corporate credibility, service quality, knowledge and self-Efficacy with business zakat compliance. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(21), m/s. 125 – 133.

- Abdullah, M. & Sapiei, N. S. (2018). Do religiosity, gender and educational background influence zakat compliance? The case of Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 45 (8), m/s. 1250-1264. <http://doi.org/10.1108/IJSE-03-2017-0091>
- Ahmad, S. & Wahid, H. (2003). Persepsi dan kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang dikhtilaf dalam *Seminar Halatuju Zakat Korporat di Alaf Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Andam, A.C. & Osman, A.Z. (2018). Determinants of intention to give zakat on employment income: Experience from Marawi City, Philippines. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 10(4), m/s. 528-545
- Amly, W.S. (2017). Zakat memberkati harta dan menenangkan hati-Mufti WP. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/zakat-memberkati-harta-dan-menenangkan-hati-mufti-wp-157014>
- Bearman, M. (2019). Focus on methodology: eliciting rich data: a practical approach to writing semi-structured interview schedules. *Focus on Health Professional Education: A Multi-Professional Journal*, 20 (3), m/s. 1-11. <https://doi.org/10.11157/fohpe.v20i3.387>
- Bidin, Z. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 16(1), m/s. 31-55.
- Ghauri, P., & Grønhaug, K. (2002). *Research Methods in Business Studies*. Harlow: Financial Times.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (1994). *Handbook of qualitative research*. Sage Publications, Inc.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd. Ali, M.N. (2005). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamic Economic and Finance Seminar, Universiti Utara Malaysia*, 29-30 August
- Lembaga Zakat Selangor (2012). *Maksud al-mal al mustafad*. <https://www.facebook.com/zakatselangor/posts/maksud-al-mal-al-mustafadapakah-yang-dimaksudkan-sebagai-al-mal-al-mustafad-di-s/10150990180556221/>

- Mohd Ali, M.N., Wahid, H. & Md Nor, N.G. (2003). Kesedaran membayar zakat pendapatan kakitangan profesional: Kajian kes di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Seminar Dasar Awam dalam Era Globalisasi; Penilaian Semula Ke Arah Pemantapan Strategi. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Muhamad Sukri, N. F. A. M., Wahab, N. A., & Hamed, A. B. (2016). Compliance to pay zakat on gold: A study on UUM staff. *Global Review of Islamic Economics and Business*, 4(2), m/s. 90-101.
- Nadzirah. (2015). *Hikmah dan faedah zakat*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/1983-hikmah-dan-faedah-zakat>
- Noor Azman, F. M. & Bidin, Z. (2015). *Zakat compliance intention behavior on saving. Prosiding World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013 Zakat*.
- Nor Paizin, M. (2014). Pelaksanaan zakat di Wilayah Persekutuan: satu permerhatian terhadap operasi kutipan & agihan zakat. *Jurnal Hadhari* 6 (2), m/s. 97-111.
- Nurkholis & Jayanto, P.Y. (2020). Determination of motivation muzaaki paying zakat at zakat management institution (case study on MSME owners). *Journal of Applied Finance and Accounting* 7 (1), m/s. 17-28.
- Othman, Y. & Nayan, M. A. (2019). The influence of perception towards promotion and self-efficacy on intention and compliance behavior of income. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 1(1), m/s. 20-30.
- Pangestu, I. & Jayanto, P. Y. (2017). Analysis in factors affecting muzakki motivation to pay zakat in Semarang city. *Accounting Analysis Journal*, 6(1), m/s. 94-103.
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2010). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2011). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>

- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2012). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2012*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2013). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2014). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2014*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2015). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2015*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2016). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2016*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2017). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2017*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2018). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2018*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2019). *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2019*. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). (2020). *Zakat pendapatan*. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-pendapatan/>

- Sapingi, R., Ahmad, N., & Mohamad, M. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics' intention to pay zakah. *2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011)*
- Sobana, D. H., Husaeni, U. A., Jamil, I., & Saepudin, D. (2016). The variables that affect compliance of muslim merchants for zakat maal in the District of Cianjur. *International Journal of Zakat*, 1(1), m/s. 78-87.
<https://doi.org/https://doi.org/10.37706/ijaz.v1i1.8>
- Trochim. W.M. (2006). Qualitative measures. Research measures knowledge base, 36 (1), m/s. 2-16.
- Yusoff, A.S. (2021). *Pengurusan institusi zakat; refleksi dan cadangan jalan ke hadapan untuk dasawarsa* [webinar].
<https://azka.zakat.com.my/2021/talkfem/>